

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENGAWAS MEKANIK (KENDERaan) (D.3 EB.4)  
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENGAWAS MEKANIK (KENDERAAN)**  
**JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA**  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 EB KHAS \$1,505 - \$1,665 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC)* atau sebanding dalam bidang *Automotive* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.


**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).
4. Berpengetahuan dalam kerja-kerja baik pulih kerosakan kenderaan pada keseluruhan sistem komponen (*engine, transmission, suspension, steering, electrical, hydraulic, braking*).
5. Berpengalaman serta berkebolehan dalam kerja-kerja mengendalikan berbagai jenis kenderaan / jentera adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. a) Mengawas dan menyelaras tugas Mekanik dalam aktiviti perkhidmatan, penyelenggaraan dan pembaikan (*maintenance and repair service*) kesemua kenderaan / jentera;



- b) Mengawas dan memantau Mekanik dalam kerja-kerja membaik pulih kerosakan pada sistem-sistem (*engine, electrical, mechanical, hydraulic and pneumatic*) kenderaan / jentera;
  - c) Menyelenggara, menyelia dan membantu Mekanik dalam mendiagnosis sebarang kerosakan teknikal kepada kenderaan / jentera melalui manual rujukan, peralatan diagnosis (*diagnostic tools / instrument*) dan pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman;
  - d) Memastikan kesemua keperluan peralatan dan perkakas bantu bekerja (*service / special tools and equipments*) adalah mencukupi, baik serta selamat digunakan; dan
  - e) Memantau penyelenggaraan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan persekitaran tempat kerja, kakitangan, kelengkapan peralatan pejabat, alat-alat ganti dan juga harta benda yang di bawah kawalan bengkel;
2. Bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas Fomen Mekanik semasa ketiadaan mereka bertugas; dan
  3. Menerima dan melaksanakan arahan tugas yang akan ditentukan oleh pihak atasan mengikut keadaan dari semasa ke semasa.